

28/10/2001

Israel makin melampau (HL)

Kadir Dikoh

SUBANG: Malaysia kesal dengan sikap semakin melampau Israel, yang mengambil kesempatan daripada kesibukan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan, untuk melakukan lebih banyak keganasan ke atas penduduk Palestin.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi hasrat Malaysia supaya Washington mengambil kira dasar luarnya terhadap masalah Palestin dalam usahanya menangani isu keganasan.

Perdana Menteri meminta Amerika menghentikan pengebomannya ke atas Afghanistan, bukan saja sebagai menghormati Ramadan, tetapi bagi mengelak semakin ramai orang awam yang tidak berdosa menjadi korban.

Bercakap kepada pemberita di Pangkalan TUDM di sini semalam, Dr Mahathir berkata, dalam pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush di Shanghai, beliau sudah menyatakan pendirian bahawa Washington perlu mengambil kira masalah Palestin dan negara Islam lain.

"Saya ada menyebut mengenainya ketika di Apec. Saya juga bercakap dengan Presiden Bush. Yalah nampak walaupun dia (Bush) tak bersetuju sepenuhnya, saya percaya dia sudah melarang Israel bertindak sedemikian (menyerang rakyat Palestin).

"Tetapi kita tahulah sombongnya Israel. Tindakan lain perlu diambil," katanya, yang tiba daripada percutian di Korea Selatan dan Jepun selepas menghadiri sidang Kemuncak Apec di Shanghai minggu lalu.

Dr Mahathir berkata, Israel melakukan serangan dengan alasan bertindak balas atas pembunuhan seorang menteri Israel. Bagaimanapun, orang Palestin berbuat demikian kerana rejim Israel membunuh beberapa pegawai kanan kerajaan Yasser Arafat sebelum itu.

"Pihak akhbar selalu melaporkan Israel bertindak balas terhadap Palestin tetapi ia sebaliknya. Sebenarnya, rakyat Palestin yang bertindak balas kerana banyak orang Palestin dibunuh oleh orang Israel," katanya.

Menteri Pelancongan Israel, Rehavam Zeevi, mati ditembak di kepala di Hotel Hyatt berhampiran kawasan penduduk Palestin di timur Baitulmaqdis, 17 Oktober lalu.

Kumpulan Barisan Pembebasan Popular Palestin (PFLP) yang mendakwa bertanggungjawab melakukannya berkata, mereka membunuh Zeevi, bekas jeneral berusia 75 tahun itu kerana membalas dendam atas pembunuhan pemimpinnya, Abu Ali Mustafa oleh tentera Israel pada Ogos lalu.

Mengenai pengeboman berterusan ke atas Afghanistan sedangkan Ramadan semakin hampir, Perdana Menteri berharap Washington menghentikan serangan itu tanpa mengira Ramadan atau tidak kerana semakin ramai orang awam yang terbunuh.

"Saya berharap mereka menghentikannya, sama ada Ramadan atau tidak. Saya berharap mereka hentikan kerana tiada apa yang tercapai hingga kini," katanya.

Sejak serangan ke atas Afghanistan 7 Oktober lalu, pihak Taliban mendakwa lebih 1,000 orang awam mati termasuk yang terbaru membabitkan kanak-kanak.

Dr Mahathir berkata sentimen Malaysia itu turut dikongsi negara lain seperti Russia, yang berpendapat usaha diplomatik perlu digerakkan untuk menyelesaikan konflik di Afghanistan.

Malaysia berpendirian, tindakan mengebom Afghanistan hanya akan mengorbankan orang awam berbanding kumpulan sasaran, sama ada tentera Taliban atau anggota Al-Qaeda yang dikaitkan dengan Osama bin Laden.

"Setakat yang saya tahu belum ada satu pun laporan yang dapat disahkan mengenai anggota al-Qaeda terbunuh ekoran serangan itu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, media Amerika merangka agenda untuk kerajaan negara itu melalui laporan mereka sehingga mengaitkan bakteria antraks kononnya hanya boleh dibuat oleh tiga negara iaitu Amerika, Russia dan Iraq.

"Nyata sekali sasarannya adalah Iraq dan serangan ke atas Iraq sudah dimulakan oleh media. Orang kini menjadi marah kepada Iraq dan kerajaan (Amerika) kemudian akan dipaksa untuk bertindak.

"Di Amerika, akhbar begitu berkuasa. Malah mereka mempengaruhi pemikiran rakyat, seolah-olah media dan orang Amerika saja baik. Ini adalah jentera propaganda. Mereka (akhbar) mentadbirkan negara," katanya.

Mengenai kenyataan kedutaan Amerika Syarikat di ibu negara yang menyatakan Bush menyifatkan Dr Mahathir suka berjenaka ketika pertemuan mereka di Shanghai Sabtu lalu, Perdana Menteri:

"Ya, saya rasa bila kita dah kenal...tidak serius sepanjang masa, ada masanya kita berjenaka walaupun kita berbincang secara serius. Saya fikir, dia begitu mesra."

(END)